IBRAH KEPIMPINAN PARA ANBIYA : 10 PANDUAN TADABBUR

Disediakan oleh : Syaari Ab Rahman[1]

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ ٱلْقَصَصِ بِمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ هَٰذَا
ٱلْقُرْءَانَ وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٣﴾

"Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya." (Yusuf, 12 : 3)

Panduan Tadabbur Kisah

Sulaiman Al-Duqqur (2005 ; 199) dalam kajian kedoktorannya bertajuk *Ittijaahaat Al-Ta'lif Wa Manaahijihi Fi Al-Qasas Al-Qurani* menyatakan terdapat 54 surah dari 114 surah di dalam al-Quran yang memuatkan kisah-kisah al-Qur'an atau lebih 1500 ayat atau seperempat al-Qur'an merupakan ayat-ayat mengenai kisah-kisah yang berlaku di masa lampau.

Penulis akan berkongsi di sini 10 kaedah tadabbur kisah-kisah al-Quran yang diinspirasikan dari kitab *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitabillah Azza wa Jalla* dari almarhum Abdul Rahman Hassan bin Habannakah.

1. <u>Menghargai Sirah Di Sebalik Surah dan Kisah Yang Diturunkan</u>

Satu perkara penting diberikan perhatian Abdul Rahman Habannakah adalah mengetahui sirah di sebalik sesuatu surah yang diturunkan supaya pembaca al-Quran akan menghargai bagaimana proses tadarruj Allah ketika mendidik Rasul-Nya, sahabatnya dan kaumnya.

---

[1] Syaari Ab Rahman merupakan Principal Trainer Ibrah Paradigm Training & Consultancy sedang melanjutkan pengajian Sarjana dalam bidang Tafsir di Universiti Kebangsaan Malaysia, kolumnis majalah Al-Ustaz terbitan Telaga Biru, penyampai segmen "Ibrah" di radio IKIM.fm sejak 2013-2016 dan penulis buku "Kuasa Kepemimpinan Al-Fateh" dan "Berfikir Gaya Al-Fateh" terbitan PTS Milennia. Beliau boleh ditemui di laman Facebook beliau iaitu "Syaari Ab Rahman" serta blog syarikat beliau, www.ibrahparadigm.com.my.



Kredit Diagram : Puan Mariah Marzuki

2. <u>Hargai surah yang bermula dengan huruf muqata'ah</u>

KEDUDUKAN SURAH BERMULA HURUF MUQATAAH

al-Imam al-Suyuthi r.h ketika meringkaskan kitab الخواطر السوانح في أسرار الفواتح karangan Ibnu Abil Ishba' menyatakan ada 10 jenis PEMBUKAAN kepada 114 surah di dalam al-Quran :

1. **PUJIAN KEPADA ALLAH** : 9 surah
- 2 surah dibuka dengan تبارك
- 7 surah dibuka dengan tasbih (al-Musabbihat)

2. **HURUF-HURUF HIJA'IYYAH** : 29 surah
- memfokuskan pada keagungan al-Quran

3. **PANGGILAN** : 10 surah
- 5 surah memanggil Rasulullah
- 5 surah memanggil ummatnya

4. **BERITA BESAR** : 23 surah

5. **SUMPAH** : 15 surah

6. **SYARAT (KALIMAH "IZA")** : 6 surah

7. **PERINTAH (KALIMAH "QUL")** : 6 surah

8. **PERTANYAAN** : 6 surah

9. **DOA (KEMUSNAHAN)** : 3 surah

10. **PENJELASAN SEBAB** : 1 surah

Surah yang bermula dengan huruf-huruf muqataah membuktikan Allah mengangkat kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa terbaik untuk menggambarkan sesuatu dengan ringkas kalimahnya tetapi padat maknanya. Kita ambil satu contoh kisah Nabi Ibrahim di dalam al-Quran yang kewujudan atau kehilangan dua huruf sahaja boleh memberikan kesan kepada kefahaman kita pada doa baginda di Makkah.

2:126 (al-Baqarah : Surah Madaniyah)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ مَنْ
ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ قَالَ وَمَن كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُۥ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُۥٓ إِلَىٰ
عَذَابِ ٱلنَّارِ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman:" (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali".

14:35 (Surah Ibrahim : Makkiyah)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا ٱلْبَلَدَ ءَامِنًا وَٱجْنُبْنِى وَبَنِىَّ
أَن نَّعْبُدَ ٱلْأَصْنَامَ ﴿٣٥﴾

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Makkah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah daku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala.

3. **<u>Hargai Kalimah "Kazalik" Dalam Kisah-kisah al-Quran</u>**

Penggunaan kalimah كذلك yang bererti "demikianlah" mempunyai makna yang mendalam pada menghubungkan antara kisah sejarah yang dipaparkan dalam al-Quran dengan sesuatu dari kisah berkenaan yang masih berterusan sehingga ke hari ini. Maka hendaklah mereka yang mahu melakukan tadabbur kisah-kisah al-Quran memberikan perhatian pada kewujudan kalimah ini, apakah kisah sebelumnya dan apakah pernyataan dari Allah sendiri selepas kalimah tersebut.

Contoh : Kisah Nabi Yunus alahissalam

21:87 (al-Anbiya)

وَذَا ٱلنُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغَٰضِبًا فَظَنَّ أَن لَّن نَّقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِى
ٱلظُّلُمَٰتِ أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ
ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٧﴾

"*Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri*".

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ ٱلْغَمِّ ۚ وَكَذَٰلِكَ نُـۨجِى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

Maka Kami kabulkan permohonan doanya, dan Kami selamatkan dia dari kesusahan yang menyelubunginya; dan sebagaimana Kami menyelamatkannya Kami akan selamatkan orang-orang yang beriman (ketika mereka merayu kepada Kami).

4. **<u>Hargai Elemen Dialog Dalam Pengkisahan Kisah-Kisah al-Quran</u>**

Al-Quran mempunyai hikmah apabila membawa sesuatu yang dinyatakan Allah naratif sifatnya ataupun dialog sifatnya. Kedua-dua pendekatan ini saling melengkapi untuk menyampai mesej yang sama. Para ulama mufassir menyenaraikan sekurang-kurangnya dua hikmah.

Pertama, penggunaan dialog membuktikan kekuasaan Allah Yang Maha Teliti lagi Maha Mendengar semasa peristiwa di dalam Al-Quran itu benar-benar berlaku secara "live". Allah bukan sekadar menunjukkan Dia mampu merakam dan memainkan semula suara-suara yang pernah berdialog dahulunya, bahkan Allah mampu membongkarkan apa dalam hati para pelaku utama kisah itu sendiri, sama ada yang soleh atau yang toleh.

Kedua, penggunaan dialog agar kisah yang disampaikan itu sifatnya hidup dan menghidupkan hati-hati yang mati. Betapa banyak penyampaian sejarah menjadi bosan kerana teksnya sahaja sudah dirupaparaskan sebagai fakta-fakta memeningkan kepala dari masa lampau. Seolah-olah ia kisah yang kaku, tiada kaitan dengan hari ini. Unsur dialog digunakan dalam kisah-kisah Al-Quran menunjukkan seolah-olah Allah Maha Berkuasa meniupkan semula ruh kepada kisah yang sudah mati itu lalu hiduplah kisah itu sehingga pembaca Al-Quran seperti diterbangkan semula ke zaman dan lokasi kejadian, memilih sama ada untuk berucap dengan ucapan watak baik atau watak sebaliknya.

18:16 (al-Kahfi)

ثُمَّ بَعَثْنَٰهُمْ لِنَعْلَمَ أَىُّ ٱلْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓا۟ أَمَدًا ﴿١٢﴾

Kemudian Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), untuk Kami menguji siapakah dari dua golongan di antara mereka yang lebih tepat kiraannya, tentang lamanya mereka hidup (dalam gua itu).

18:19 (al-Kahfi)

وَكَذَٰلِكَ بَعَثْنَٰهُمْ لِيَتَسَآءَلُوا۟ بَيْنَهُمْ ۚ قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ
لَبِثْتُمْ ۖ قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۚ قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ
فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ
أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ
بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih menengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapapun menyedari akan hal kamu.

5. Hargai Elemen Sumpah Di Permulaan Surah

Satu perkara yang perlu diambil berat bagi mereka yang mahu melakukan tadabbur kisah-kisah al-Quran adalah menghubungkan antara objek yang disumpah oleh Allah dengan subjek yang menjadi sebab sumpahan itu dilakukan. Maha Suci Allah dari bersumpah dengan sesuatu yang tiada kaitan dengan apa yang disumpahkan-Nya sendiri. Kita ambil contoh dalam surah al-Fajr (surah 89, ayat 1 hingga 14)

وَٱلْفَجْرِ ﴿١﴾

Demi waktu fajar;

وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah

وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ ﴿٣﴾

Dan bilangan yang genap serta yang ganjil;

وَاللَّيْلِ إِذَا يَسْرِ ﴿٤﴾

Dan malam, apabila ia berlalu;

هَلْ فِي ذَٰلِكَ قَسَمٌ لِّذِي حِجْرٍ ﴿٥﴾

Bukankah yang demikian itu mengandungi sumpah (yang diakui kebenarannya) oleh orang yang berakal sempurna?

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾

(Kami tetap akan membinasakan orang-orang yang menentangmu wahai Muhammad), tidakkah engkau perhatikan, bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum Aad (yang kufur derhaka)

إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٧﴾

Iaitu penduduk "Iram" yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi tiangnya, (sesuai dengan penduduknya)

الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي الْبِلَادِ ﴿٨﴾

Yang belum pernah diciptakan sepertinya (tentang besar dan kukuhnya) di segala negeri (pada zamannya)?

وَثَمُودَ الَّذِينَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوَادِ ﴿٩﴾

Dan (terhadap) kaum Thamud yang memahat batu-batu besar di lembah (Wadil-Qura iaitu tempat tinggalnya)?

وَفِرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾

Dan (terhadap) Firaun yang menguasai bangunan-bangunan yang handal kukuh?

ٱلَّذِينَ طَغَوْا۟ فِى ٱلْبِلَـٰدِ ﴿١١﴾

(Semuanya itu ialah) orang-orang yang telah bermaharajalela di negeri (masing-masing).

فَأَكْثَرُوا۟ فِيهَا ٱلْفَسَادَ ﴿١٢﴾

Lalu mereka melakukan dengan banyaknya kerosakan dan bencana di negeri-negeri itu.

فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

Dengan yang demikian, Tuhanmu mencurahkan ke atas mereka berbagai paluan azab;

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

Sesungguhnya Tuhanmu tetap mengawas dan membalas, (terutama balasan akhirat)

6. **<u>Hargai Perumpamaan Dalam Kisah-kisah al-Quran</u>**

Lihat sahaja surah Al-A'raaf (7 : 175-177), bagaimana Allah mengakhiri kisah orang alim yang kufur dengan perumpaan mengenai seekor anjing yang terjelir-jelir lidah.

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ٱلَّذِىٓ ءَاتَيْنَـٰهُ ءَايَـٰتِنَا فَٱنسَلَخَ مِنْهَا فَأَتْبَعَهُ
ٱلشَّيْطَـٰنُ فَكَانَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿١٧٥﴾

Dan bacakanlah kepada mereka (wahai Muhammad), khabar berita seorang yang kami beri kepadanya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat (Kitab) Kami. kemudian ia menjadikan dirinya terkeluar dari mematuhinya, lalu ia diikuti oleh Syaitan (dengan godaannya), maka menjadilah dari orang-orang yang sesat.

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَـٰهُ بِهَا وَلَـٰكِنَّهُۥٓ أَخْلَدَ إِلَى ٱلْأَرْضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ ۚ
فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ
يَلْهَث ۚ ذَّٰلِكَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا ۚ فَٱقْصُصِ
ٱلْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan)

ayat-ayat itu. Tetapi ia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau membiarkannya: ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.

7. <u>Hargai Tafsir Bil Ma'thur</u>

4:157 (Al-Nisa')

وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا ٱلْمَسِيحَ عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا
صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ ۚ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ ۚ مَا لَهُم
بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا ٱتِّبَاعَ ٱلظَّنِّ ۚ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًۢا ﴿١٥٧﴾

Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih Isa Ibni Maryam, Rasul Allah". Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang - salib), tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa). Dan Sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham, mengenai Nabi Isa, sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang menentukan (pembunuhannya). Tiada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan semata-mata; dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin.

Dalam tafsir Ibnu Kathir (juzuk 4, halaman 337) menyatakan athar yang sahih dari Ibnu Abbas bahawasanya beliau berkata :

المسيح عليه السلام قال لمن كان معه من أصحابه في البيت :

(أيكم يلقى عليه شبهي فيقتل مكاني ويكون معي في درجتي ؟ فقام شاب من أحدثهم سنا ، فقال له : اجلس . ثم أعاد عليهم فقام ذلك الشاب ، فقال : اجلس . ثم أعاد عليهم ، فقام ذلك الشاب فقال : أنا , فقال : أنت هو ذاك . فألقي عليه شبه عيسى ورفع عيسى من روزنة في البيت إلى السماء).

Beliau juga menyatakan bahawa bukan seorang dari salafus soleh yang mengakui sanad Ibnu

Abbas ini. Ibnu Kathir juga menyatakan inilah pendapat yang dipilih juga oleh Ibnu Jarir al-Tabari.

Mengenai “maklumat tambahan” dari Wahab bin Munabbih yang menambah bahawa kesemua Hawariyyun ditukar rupa mereka kepada wajah Isa sebelum akhirnya hanya diberikan kepada seorang sahaja, Ibnu Kathir menyatakan “Hanya Allah jua yang mengetahui dari manakah sumber kisah ini.” (juzuk 4, halaman 341)

Semoga Allah memberkati Syekh Solah Abdul Fattah al-Khalidi yang manhajnya sangatlah tegas dengan Israiliyyat dan sangatlah berhati-hati dengan al-Mubhimat (didiamkan al-Quran dan hadis-hadis yang sahih), Syekh akhirnya memilih pandangan dari al-Imam al-Hafiz Ibnu Kathir dalam karya terbaiknya, القصص القرآني yang juga menjadi pilihan al-Imam Ibnu Jarir al-Tabari.

8. <u>Hargai Kepelbagaian Qiraah</u>

5:112 (al-Maidah)

إِذْ قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ يَٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ هَلْ يَسْتَطِيعُ رَبُّكَ أَن
يُنَزِّلَ عَلَيْنَا مَآئِدَةً مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۖ قَالَ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿١١٢﴾

Dan (ingatlah) ketika orang orang Hawariyyiin berkata: "Wahai Isa Ibni Maryam! Dapatkah kiranya Tuhanmu berkenan menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?" Nabi Isa menjawab: "Bertaqwalah kamu kepada Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman".



9. **<u>Berhati-Hati Dengan Israiliyyat</u>**

Menurut Imam al-Dhahabi, *Al-Isra'iliyyat* bermaksud data-data yang dipetik oleh ulama tafsir daripada pendeta Yahudi yang telah memeluk agama Islam, begitu juga *al-Nasraniyyat* yang diperolehi dari pendeta Nasrani. Sebahagian sahabat pada zaman Nabi s.a.w. mengambil sedikit data-data tersebut yang berkaitan dengan kisah-kisah umat terdahulu sahaja, tetapi pada zaman *tabi'in* iaitu zaman selepas sahabat pengambilan data-data ini tersebar luas di dalam kitab-kitab tafsir

Al-Anbiya, 21:83



Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani".



Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kepadanya: keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik).

Saad, 38:41

وَٱذۡكُرۡ عَبۡدَنَآ أَيُّوبَ إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّي مَسَّنِيَ ٱلشَّيۡطَٰنُ بِنُصۡبٖ وَعَذَابٍ ٤١

Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba Kami: Nabi Ayub ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: " Sesungguhnya aku diganggu oleh Syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa (penyakit)".

Contoh Israiliyyat yang popular adalah kisah Nabi Ayub a.s. yang diriwayatkan bahawa baginda a.s. ditimpa kesakitan hingga busuk tubuhnya. Baginda a.s. dibiarkan terlantar di tempat buangan sampah Bani Israil dan penyakit yang menimpanya itu telah menyebabkan masyarakat di sekelilingnya lari meninggalkannya. Riwayat ini secara zahirnya jelas menunjukkan percanggahan dengan nas syar'i dan ijma' ulama kerana seorang rasul itu tidak akan ditimpa dengan penyakit yang membawa keaiban kepadanya, apatah lagi penyakit yang boleh menyebabkan manusia lari dan menjauhkan diri daripada dakwahnya. Sedangkan apa yang wajib dipercayai dan diyakini berdasarkan nas al-Quran ialah Nabi Ayub a.s. dibala oleh Allah Ta'ala. Tetapi bala yang dikenakan oleh Allah ke atasnya tidaklah sampai kepada peringkat yang boleh mengurangkan martabat kerasulannya seperti penyakit yang menyebabkan manusia menjauhkan diri daripada dakwahnya. Kisah-kisah sedemikian yang telah dikaitkan dengan Nabi Ayub a.s. adalah batil dan ia merupakan rekaan daripada Yahudi. (Ibrahim al-Bajuri, 1972, 282 dan al-Dusuqi, 1939, 186)

"*Kami mendapati pada kisah Nabi Ayyub ini terlalu banyak perkara yang didiamkan Al-Quran dan hadis-hadis yang sahih. Antara yang didiamkan yang kami tidak jemu-jemu menyatakannya di sini adalah jumlah anak lelaki dan anak perempuannya, nama isteri dan anak-anaknya, jumlah harta kemewahannya sebelum diuji, punca penyakit yang ditimpa ke atasnya, bagaimana berlakunya kemusnahan kepada harta dan ahli keluarganya, dialog yang*

berlaku antara baginda dan rakan-rakannya, bagaimana baginda menjadi sembuh dan bagaimana keluarga dan hartanya dikembalikan Allah kepadanya. Yang menyatakan secara terperinci mengenai ini semua adalah kitab Perjanjian Lama. Bahkan "penulis" kitab ini meletakkan bab secara khusus iaitu bab ke-18 mengenai Nabi Ayyub alaihissalam!" - Syekh Solah Abdul Fattah al-Khalidi, Al-Qasas Al-Qurani (juzuk 4, halaman 9-10)

"*Perincian ini tiada sokongan dari hadis yang sahih. Maka kami tidak mahu mengiyakannya, dan tidak juga pada selainnya. Ada kemungkinan mereka (watak-watak di dalam Al-Quran) melakukannya. Ada kemungkinan mereka tidak pun melakukannya. Tidak penting untuk kita mengetahuinya. Tiada masalah pun dalam beragama jika tidak pun mengetahui tentangnya. Mengetahui mengenainya sekalipun belum tentu memberikan kita ilmu dan faedah. Daripada kita terjun ke dalam gaung Israiliyyat, lalu kita membuang masa kita pada perkara yang tiada faedah, lebih baik kita bertanya soalan yang lebih penting, mengapa mereka berpaling dari perintah Allah?"* - Syekh Dr. Solah Abdul Fattah Al-Khalidi, Ma'a Qasas Al-Sabiqeen fil Quran

10. <u>Mengetahui Ilmu Munasabah</u>

Sering kali babak-babak perjuangan seseorang Nabi dipetik dari pelbagai surah, namun seseorang penulis atau pengkaji berkenaan tidak menjawab persoalan mengapakah babak berkenaan dipaparkan dalam surah tertentu dan tidak pada surah yang selainnya. Sedangkan telah menjadi ijma' para ulama bahawa penamaan surah, susunan ayat di dalam sesebuah surah dan penyusunan surah-surah di dalam al-Quran itu sendiri adalah *tauqifi* dari sisi Allah. Tidak sedikit para ulama yang bekerja keras dalam kitab tafsir mereka mengeluarkan hikmah penamaan surah, hikmah penyusunan ayat dalam sesebuah surah dan hikmah kedudukan surah itu sendiri dalam mushaf yang tidak sama dengan sebagaimana ia diturunkan kepada Rasulullah. Mahmud Hijazi (2010) menegaskan bahawa setiap surah mempunyai tema-tema yang saling berkaitan dan melengkapi antara satu sama lain. Fenomena ini tidak menghairankan kerana urutan ayat dan susunan surah adalah bersifat *tauqifi* dari Allah S.W.T.

Al-'Umari (1986 ; 33) dalam *Dirasat fi al-Tafsir al-Maudhuie lil Qasas al-Qurani* menegaskan kepentingan ilmu *al-Nazhm al-Qurani*, ilmu *asbab al-Nuzul* dan ilmu *al-Munasabah wa al-Siyaq* ayat dalam penulisan dan pengajaran kisah-kisah al-Qur'an. Kadang-kadang kisah seorang Nabi yang sama boleh muncul di awal sesuatu surah, namun di surah lain ia muncul di pertengahan surah, dan kekadang muncul di penghujung surah. Fenomena

begini sangat ketara berlaku dalam al-Qur'an kerana setiap surah mempunyai tema yang khusus (Abu Zaid, 1992). Aspek *Ghoyat al-Tanzil* (tema) inilah yang mempengaruhi perincian atau penyingkiran sesuatu babak kisah, pengulangan babak dengan perbezaan gaya penceritaan, penggunaan ayat dialog atau ayat naratif serta panjang atau pendek kisah seseorang tokoh di dalam al-Quran (al-Zawahiri, 1991)

Kita ambil contoh kisah Nabi Ibrahim di dalam al-Quran. Ilmu munasabah akan membantu kita untuk menjawab persoalan berikut :

- mengapa kisah Nabi Ibrahim bertaburan di dalam al-Quran dan tidak diletakkan dalam hanya satu surah sahaja seperti surah Ibrahim ?
- mengapa kadang-kadang kisah Nabi Ibrahim panjang di satu surah dan pendek di satu surah yang lain ?
- mengapa seperti wujud pengulangan kisah Nabi Ibrahim di beberapa buah surah namun mengalami perbezaan gaya penceritaan ?
- mengapa kadang-kadang kisah Nabi Ibrahim muncul terlebih dahulu dan kisah Nabi yang lebih awal dari baginda seperti Nabi Nuh dikemudiankan dalam sesuatu surah ? Mengapakan tidak disusun Allah Taala mengikut kronologi hidup para anbiya itu sendiri ?

Ibrahim Dalam Surah Maryam

Mengapa kisah Nabi Ibrahim berdakwah kepada ayahandanya dirakamkan dalam surah Maryam (ayat 41-50) dan tidak di surah lain ? Ini kerana surah Maryam adalah surah bekalan tauhid dari Allah kepada para Sahabah yang akan berhijrah ke sebuah negara Nasrani iaitu Habsyah. Kisah Ibrahim sebagai bapa para anbiya selepas kisah Nabi Zakariyya, Yahya dan Isa menjadi liputan utama surah Maryam. Kebetulan pula kisah Nabi Ibrahim ini muncul sebagai pembuktian kepada wasiat Nabi Yahya dan Nabi Isa pada pentingnya berbuat baik kepada ibubapa masing-masing. Maka kasih sayang dan ucapan yang lemah lembut menasihati ayahandanya yang mencipta berhala agar kembali kepada tauhid dirakamkan Allah. Sungguh surah Maryam mengajar para Sahabat dan kita kepentingan menjaga keturunan dari najis syirik dan apa tujuan sebenar kita menjadi anak.

Ibrahim Dalam Surah Al-An'am

Mengapa kisah Nabi Ibrahim berdakwah kepada para penyembah planet Venus, bulan dan matahari dirakamkan dalam surah al-An'am (ayat 74-79) dan tidak di surah lain ? Kekadang awal surah memberitahu motif surah serta sirah di sebalik penurunannya. Lihatlah ayat 1 dan ayat 3 surah ini yang berbicara bahawa apa yang ada di langit dan di bumi, kesemuanya milik Allah. Kebetulan Ibnu Abbas r.a menyatakan surah panjang lebar membabitkan 165 ayat ini turun sekaligus pada malam itu sehingga Asma binti Yazid r.a merakamkan unta betina Rasulullah terduduk kaku di atas tanah padang pasir kerana merasai adanya beban terlalu berat di atasnya. Maka fahamlah kita, babak kebijaksanaan dakwah baginda dirakamkan di surah ini, bahkan muqaddimah kisah ini (ayat 73) pun menyatakan tentang segala di langit dan di bumi adalah ciptaan Allah, bukannya tuhan.

Ibrahim Dalam Surah Al-Baqarah

Mengapa kisah Ibrahim berdebat dengan Namrud dirakamkan di penghujung surah al-Baqarah (ayat 258) ? Jika dilihat pada apa yang didebatkan, maka terbukti hujah Ibrahim sangat kukuh bahawa Allah jualah yang "menghidupkan" seseorang dari tidur lena (mati) atau melenakan (mematikan) seseorang yang sedang hidup dengan naik jatuhnya matahari yang menyebabkan siang dan malam. Ia sangat berkaitan dengan motif juzuk 3 atau sepertiga terakhir surah al-Baqarah iaitu pentingnya para Sahabat di Madinah konsisten keimanan kepada hari Akhirat dan tidak mengulangi punca penyakit Bani Israil apabila didatangkan kepada mereka Nabi Musa dan diberikan kepada mereka kemerdekaan dari musuh-musuh mereka sendiri. Manakala jika dilihat pada siapa yang berdebat, maka Allah mahu kita memahami keberanian seorang anak muda berdebat dengan orang nombor satu sebuah empayar kerajaan Babilon adalah kerana baginda berpegang kukuh dengan tali Allah, atau apa yang disebut sebagai "*al-'urwatul wuthqa*" yang muncul pada ayat 256 sebagai muqaddimah kisah ini.

Ibrahim Dalam Surah Al-Anbiya'

Mengapa babak panjang lebar perencanaan Ibrahim memecahkan berhala semata-mata untuk mendapatkan peluang terakhir berdialog dengan kaumnya dirakamkan dalam surah al-Anbiya (ayat 51-71) dan tidak dalam surah lain ? Kerana surah ini membariskan paling banyak senarai para anbiya yang kisah-kisah kemenangan mereka dibentangkan dalam surah ini. Apakah definisi kemenangan ? Majoriti kaum akhirnya beriman ? Sungguh Allah menurunkan surah ini agar pendakwah tahu apakah definisi sebenar kemenangan seorang pendakwah dengan apa yang berlaku kepada kaum Ibrahim sebelum dan selepas dihumban ke dalam api yang mengganas !

Ibrahim Dalam Surah Al-Saffat

Mengapa babak baginda menyembelih anaknya Ismail dirakamkan dalam surah al-Saffat (ayat 99-113) dan tidak dalam surah lain ? Kebetulan nama surah itu sendiri sudah boleh menggambarkan isi kandungan surah yang mempunyai 182 ayat. Al-Saffat merujuk kepada barisan para Malaikat yang tidak berhenti walau sesaat dari memuji dan membesarkan Allah, ketataan yang tidak berbelah bahagi. Maka tidak perlu pelik, surah ini merakamkan babak Ibrahim yang memberikan ketaatan tidak berbelah bahagi pada perintah Allah meskipun perintah itu akan membahayakan nyawanya sendiri atau nyawa anaknya sendiri. Kisah para anbiya yang lain yang memberi ketaatan dan komitmen tidak berbelah bahagi demi memelihara iman mereka sangat membakar semangat para Sahabat yang mengalami episod pembantaian dan penyeksaan menyakitkan di Makkah ketika surah ini diturunkan.

Ibrahim Dalam Surah Ibrahim

Mengapa babak baginda berdoa agar zuriatnya tidak melakukan syirik dan sentiasa memelihara solat dirakamkan dalam surah Ibrahim (ayat 35-41) dan tidak surah lain ? Ini kerana motif surah ini adalah mendefinisi kegelapan hati manusia sebagai susahnya untuk bersyukur atas anugerah Allah. Maka kisah doa Nabi Ibrahim diletakkan tepat sekali pada penghujung bagi menutup tirai surah dengan model seorang manusia yang tahu keamanan dan kemajuan Makkah tiada gunanya jika ia tidak menyebabkan anak cucu cicitnya tidak menyembah Allah dan bersyukur atas anugerah-Nya dengan menunaikan solat. Maka sebab itulah, rintihan penuh sayu baginda kepada Allah dirakamkan panjang lebar dalam surah yang bermotif mendefinisi kesyukuran kepada Allah.

"Sesungguhnya kisah-kisah Al-Quran adalah pepohon rendang yang buah-buahnya amat mudah dipetik, sangat banyak pula rantingnya, tidak pernah terhenti teduhannya kepada orang-orang yang mahu berteduh di bawahnya. Sungguh naungan pohon kisah-kisah Al-Quran ini sentiasa kekal terbentang luas menaungi, air di bawahnya pohon ini pula sentiasa mengalir tanpa henti, buah-buahnya pula sangat banyak, tidak pernah terputus buah-buah ini dan tidak pula terlarang kepada sesiapa pun. Maka ketahuilah olehmu bahawa tidak akan terhenti keajaiban pohon kisah-kisah Al-Quran ini dan tidak pernah pohon ini bakhil dari terus memberi manfaat kepada manusia meskipun yang mahu berteduh di bawahnya punyai pelbagai keinginan apabila mendekatinya."

(Syekh Dr Fadhl Hassan Abbas)